

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

| No. Sebutharga     | Tajuk Projek  | Pendaftaran dan Taraf | Gred, Kategori Dan Pengkhususan                                     | Harga Dokumen (RM) | Tarikh Dokumen Dijual                        |
|--------------------|---|-----------------------|---|--------------------|--|
| MPKj<br>S 159/2020 | Kerja-kerja Menanggal Dan Memasang Baru Tangki Air Utama Fibre Reinforced Plastic (FRP) Dan Kerja-kerja Yang Berkaitan Di Bangunan Pejabat, Menara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | CIDB<br>G1            | CE20<br>&<br>CE39<br><i>*kebenaran khas adalah tidak dibenarkan</i> | RM50.00            | 21 Oktober 2020<br>Hingga<br>4 November 2020 |

Penyebutharga adalah **DIGALAKKAN** untuk hadir lawatan tapak seperti ketetapan berikut:  
(Lawatan Tapak dilaksanakan secara temujanji)

Tarikh : 21hb Oktober 2020 sehingga 28hb Oktober 2020

Tempat : Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,  
Off Jalan Semenyih,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Pegawai terlibat : Muhammad Taufiq Bin Jainal (Penolong Jurutera)  
untuk lawatan tapak 016-977 3697

\* Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina sebutharga tersebut. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

\* Penyebutharga perlu membuat temujanji terlebih dahulu untuk hadir lawatan tapak pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan sahaja.

\* Hanya Pemilik / Penama Sahaja Diwajibkan untuk hadir lawatan tapak. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran.

\* Penyebutharga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

**DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **21HB. OKTOBER 2020 HINGGA 4HB. NOVEMBER 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 4HB. NOVEMBER 2020 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI**. Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar dokumen tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.